

# Takwilan Nas-Nas Sifat *Mutashabihat* Dalam Kalangan Salaf

## The Interpretation of *Mutashabihat* Verse Among The Salaf Scholars

Muhammad Rashidi Wahab (Pengarang Penghubung)

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia  
Tel: +6019-5959771 E-mel: muhdrashidi85@gmail.com

Syed Hadzrullah Syed Omar

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.  
Tel: +6019-9347600 E-mel: sylutfi@unisza.edu.my

### Abstrak

Isu takwilan nas-nas *mutashabihat* merupakan satu isu yang berlarutan dalam pemikiran umat Islam sejak kurun awal Hijrah sehingga kini. Ulama Salaf sering dilabelkan oleh sesetengah penulis kontemporari sebagai golongan yang tidak mentakwilkan nas-nas sifat *mutashabihat*, manakala ulama *Khalaf* yang datang selepas Salaf dilabelkan sebaliknya. Kesan daripada kenyataan tersebut, timbul polemik dalam kalangan umat Islam hari ini mengenai keharusan takwilan *Khalaf* terhadap nas-nas sifat *mutashabihat* adalah menyalahi pegangan Salaf. Namun sejauh manakah keabsahan dan dakwaan tersebut boleh dipertanggungjawabkan, perlu ditinjau semula bagi menangani konflik tersebut. Untuk tujuan demikian, artikel ini diketengahkan untuk meneliti kenyataan dan pandangan para ulama Salaf dalam isu berkenaan bagi mengenal pasti sama ada mereka mengambil sikap mentakwilkan nas-nas sifat *mutashabihat* atau sebaliknya. Kajian kualitatif yang memfokuskan kepada analisis kandungan dokumen ini, mendapati bahawa terdapat dalam kalangan ulama Salaf yang hidup sehingga kurun ketiga Hijrah turut mentakwilkan nas-nas sifat *mutashabihat* sebagaimana sebahagian ulama *Khalaf* melakukan pentakwilan. Maka dakwaan para ulama Salaf keseluruhannya menolak metode takwil nas-nas sifat *mutashabihat* adalah suatu pandangan yang kurang tepat. Kajian turut mengenal pasti bahawa istilah Salaf bukan sahaja merujuk kepada tokoh yang hidup dalam

kurun tiga Hijrah pertama sahaja, sebaliknya kurun kelima Hijrah yang dijadikan sebagai penamat tempoh hidup para Salaf turut dilihat sebagai suatu pandangan yang signifikan untuk diketengahkan dalam masyarakat kontemporari kini.

**Katakunci:** Takwil, *Mutashabihat*, Salaf

### Abstract

The interpretation of *mutashabihat* verse is an issue that persists in the minds of Muslims since the beginning of the century until the present day. Salaf scholars are often labeled by some contemporary writers as people who do not interpret *mutashabihat* verse, while *Khalaf* scholars who come after the Salaf are labeled otherwise. As a result of this labeling, there are polemics which arise among the present Muslims that the interpretation of the *mutashabihat* verse by the *Khalaf* is against the Salaf's beliefs. However, the extent and validity of such claims need to be reviewed to deal with the conflict. For this purpose, this article intends to examine the statements and opinions of the Salaf scholars on this issue in order to identify whether or not they take the attitude to interpret the *mutashabihat* verse. Qualitative studies which focus on the analysis of the content of this document has found that some of the Salaf scholars who lived until the third Hijrah century also interpreted the *mutashabihat* verse in the similar way as the *Khalaf* scholars.

Therefore, the claim that Salaf scholars reject the interpretation of the *mutashabihat* verse can be considered as an inaccurate view. The study also identifies that the term Salaf does not only refer to those who lived in the first three centuries of Hijrah, but also the people who lived up to the 5<sup>th</sup> Century of Hijrah. This point of view is significant to be known by our Muslim brothers of this contemporary society.

**Keywords:** Interpret, *Mutashabihat*, Salaf

## Pendahuluan

Pentakwilan nas-nas sifat *mutashabihat* merupakan salah satu isu akidah ketuhanan yang kian menjadi polemik dalam kalangan umat Islam semenjak kurun awal Hijrah sehingga kini dan ia turut mempengaruhi pemikiran para ulama Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah di Nusantara. Sorotan literatur menunjukkan kajian berkaitan *mutashabihat* merujuk kepada beberapa ayat Al-Quran atau hadis yang makna literalnya boleh menjadikan Allah (s.w.t) menyerupai makhluk-Nya sama ada dari aspek zat, sifat atau perbuatan (Engku Ibrahim, 2003). Kebanyakan kajian yang mengetengahkan perselisihan pandangan dalam isu tersebut adalah berkaitan sama ada nas-nas sifat *mutashabihat* dimaksudkan itu semestinya difahami secara literal tanpa sebarang takwilan, ataupun ia perlu ditakwil kerana makna zahirnya bertentangan dengan asas-asas akidah ketuhanan (Sharifah Norshahbani, 2004).

Rentetan itu, dalam beberapa penulisan karya akidah kontemporari khususnya di Malaysia kini, Salaf dilabelkan sebagai golongan yang tidak melakukan takwilan terhadap nas-nas sifat *mutashabihat*, manakala *Khalaf* pula dilabelkan sebagai golongan yang melakukan takwilan. Keadaan ini mengundang perselisihan pandangan yang tidak harmoni antara pengikut kedua-dua aliran pemikiran tersebut. Satu golongan bertindak mempertahankan metode takwil manakala satu golongan lagi bertindak menghukum sesat dan syirik kepada pelaku takwil (Engku Ibrahim, 2003; Rasul Dahri, 2001). Kesan daripada konflik tersebut, timbul

polemik dalam kalangan umat Islam hari ini mengenai keharusan takwilan *Khalaf* terhadap nas-nas sifat *mutashabihat* adalah menyalahi pegangan Salaf yang diiktiraf sebagai sebaik-baik generasi.

Walau bagaimanapun, sejauh manakah ulama Salaf dikatakan bersepakat dengan sikap sedemikian atau dengan lain perkataan adakah kesemua ulama Salaf mengambil sikap tidak mentakwil nas-nas sifat *mutashabihat* yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis, aspek tersebut belum banyak diberi perhatian. Menerusi kaedah analisis kandungan daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang berautoriti, artikel ini cuba mengetengahkan suatu analisis tentang isu berkaitan untuk mengenal pasti sama ada para ulama Salaf bersepakat untuk tidak mentakwil nas-nas sifat *mutashabihat* atau sebaliknya seperti mana yang sering didakwa oleh sesetengah penulis kontemporari.

## Siapa Mereka Salaf

Mengklasifikasi para ulama sama ada mereka tergolong dalam kalangan generasi Salaf atau *Khalaf* turut menjadi suatu keperluan dalam kajian seumpama ini. Hal demikian adalah kerana pendirian pandangan terhadap isu *mutashabihat* adalah berkaitan langsung dengan kedua-dua golongan tersebut. Sehubungan itu, menelusuri kata akar perkataan Salaf dari sudut bahasa, makna yang paling sinonim untuk dipadankan dengan kajian ini ialah individu atau generasi terdahulu apabila dibandingkan dengan generasi lain yang datang kemudian daripadanya (Ibn Manzur, 2003). Namun, makna istilahnya lebih merujuk kepada generasi ulama yang hidup dalam suatu tempoh tertentu sahaja, iaitu dalam lingkungan tiga kurun pertama Hijrah (Al-Buti, 2007). Definisi ini merupakan satu definisi masyhur diterima pakai oleh ramai sarjana dahulu dan sekarang. Walau bagaimanapun, kebanyakan sorotan kajian membuktikan justifikasi pengertian Salaf sebagaimana keterangan di atas, berasaskan satu sumber hadis seperti mana sabda Rasulullah (s.a.w):

Maksudnya: "Sebaik-baik kurun (generasi) adalah kurunku, kemudian orang-orang yang datang selepas mereka, dan seterusnya disusuli pula oleh satu kumpulan manusia lain selepas mereka. Sesudah itu, akan datang suatu generasi yang sifatnya; penyaksian seseorang daripada mereka mendahului sumpahnya dan sumpahnya mendahului penyaksiannya" (Al-Bukhari (3651), 2005)

Sebagaimana maklum, satu kurun bersamaan dengan 100 tahun, namun kajian mendapati kurun pertama yang dinyatakan dalam hadis di atas berakhir pada tahun 110 Hijrah kerana berpandukan tarikh hadis tersebut dilaporkan, iaitu pada tahun 10 Hijrah. Oleh itu, difahami bahawa tempoh tiga kurun pertama Hijrah berakhir pada tahun 310 Hijrah. Berasaskan definisi dinyatakan, generasi yang berada dalam lingkungan 310 tahun pertama Hijrah, mereka telah dianggap sebagai Salaf (Al-Isa, t.th). Secara tidak langsung, generasi yang hidup selepas tahun 310 Hijrah pula dikenali sebagai *Khalaf*. Oleh itu, nama-nama tokoh ulama Islam seperti Imam Abu Hanifah (m. 150H), Imam Malik (m. 179H), Imam Al-Thawri (m. 187H), Imam Al-Shafie (m. 204H), Imam Ahmad bin Hanbal (m. 241H), Imam Al-Bukhari (m. 256H), Imam Al-Tabari (m. 310H) dan selain mereka yang wafat dalam lingkungan 310 Hijrah adalah dianggap sebagai Salaf walaupun mereka bukan terdiri dari kalangan sahabat Rasulullah (s.a.w) dan tabiin.

Perlu ditegaskan bahawa pengertian Salaf sebagaimana dibincangkan bukan merupakan suatu pandangan yang disepakati (*ijma*) oleh seluruh ulama Islam. Sesetengah ulama lain telah mendefinisikan Salaf sebagai generasi yang hidup sebelum tahun 500 Hijrah, manakala *Khalaf* pula adalah generasi yang datang selepasnya (Al-Bayjuri, 2001). Meneliti kedua-dua pengertian Salaf dari aspek sumber, penulis mendapati pandangan yang menerima pakai definisi pertama adalah berdasarkan bahawa tiga kurun pertama Hijrah dimaksudkan tersebut merupakan suatu tempoh masa yang ramai dalamnya sebaik-baik golongan manusia

yang boleh dijadikan ikutan, sebagaimana dibayangkan maknanya oleh hadis (Al-Bukhari (3651), 2005) yang menjadi sandaran mereka, walaupun perkataan Salaf tidak dinyatakan di dalamnya. Maka itu, definisi pertama telah dianggap mengandungi suatu makna yang konkret untuk diterima pakai bagi menggambarkan ia adalah suatu generasi ikutan umat Islam sepanjang zaman yang diakui sendiri oleh Rasulullah (s.a.w).

Walaupun begitu, definisi kedua yang menyifatkan generasi yang hidup dalam lingkungan 500 tahun Hijrah pertama sebagai Salaf, bukan dianggap sebagai suatu pandangan lemah yang perlu diketepikan kerana ia tidak bersumberkan mana-mana nas berautoriti. Malahan menurut penelitian penulis, definisi kedua mengambil kira bahawa makna utama terkandung dalam sabda Rasulullah (s.a.w) tersebut ialah wujudnya ramai individu baik yang boleh dijadikan ikutan umat Islam selepas mereka (Al-Bayjuri, 2001). Maka ramai tokoh ulama Islam lain yang dijadikan ikutan muncul selepas kurun ketiga Hijrah seperti Imam Al-Ashcari (m. 320 H), Imam Al-Tahawi (m. 321H), Imam Al-Maturidi (m. 333H), Imam Ibn Hibban (m. 354 H), Imam Al-Baqillani (m. 403H), Imam Al-Baghdadi (m. 429H), Imam Al-Bayhaqi (m. 458 H), Imam Al-Qusyairi (m. 465H), Imam Al-Isfarayini (m. 471H), Imam Al-Juwayni (m. 478H), Imam Al-Ghazali (m. 505H) dan selain mereka. Kewujudan ramai tokoh ulama ikutan umat Islam dalam kurun keempat dan kelima Hijrah merupakan suatu perkara signifikan untuk dilabelkan sebagai tempoh masa hidup generasi Salaf.

Jika diteliti dari aspek masa, generasi Salaf yang dikaitkan dengan tiga atau lima kurun pertama Hijrah turut dikenali dengan istilah Salaf *zamani* yang merujuk tempoh masa tertentu sahaja. Manakala sesuatu generasi yang datang selepas Salaf, apabila mereka mempunyai kefahaman, penghayatan dan metodologi pemikiran sama dengan generasi Salaf, maka mereka pula digelar sebagai Salaf *manhaji* (Abdul Shukor, 1993). Pada hemat penulis, pembahagian

Salaf kepada dua istilah lain, iaitu *zamani* dan *manhaji* hanya sekadar menunjukkan sokongan generasi *Khalaf* terhadap metodologi pemikiran golongan para ulama Salaf. Hal ini tidak bererti ulama generasi *Khalaf* menafikan kebenaran metode yang difahami dan diterima pakai oleh mereka sendiri. Walau bagaimanapun, apa yang lebih utama dalam mendefinisikan istilah Salaf ialah penentuan tempoh kewujudan generasi ulama Salaf dalam tarikh sejarah umat Islam adalah sama ada tiga kurun Hijrah pertama atau merangkumi lima kurun Hijrah pertama.

### **Konsep Takwil *Mutashabihat* Dalam Pemikiran Islam**

Secara asasnya, nas-nas yang terkandung dalam Al-Quran atau Hadis terdiri daripada dua jenis ayat iaitu ayat muhkamat dan ayat *mutashabihat* (ali-Imran (3): 7). Sayyidina Jabir (r.a) (m. 37H) mendefinisikan *mutashabihat* sebagai sesuatu yang tiada ruang untuk diketahui atau difahami maksudnya kerana dirahsiakan oleh Allah (s.w.t). Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H) pula mendefinisikan *mutashabihat* sebagai ayat yang mengandungi beberapa pengertian tertentu selain dari pengertian lafaz asal. Imam Al-Shafie (m. 204H) menjelaskan bahawa *mutashabihat* adalah ayat-ayat yang boleh diandaikan dengan pelbagai pengertian lain. Sedangkan Imam Ahmad bin Hanbal (m. 241H) menyatakan *mutashabihat* ialah ayat yang memerlukan penjelasan lanjut kerana terdapat beberapa pengertian yang berbeza-beza padanya. Manakala Fakh Al-Din Al-Razi (m. 606H) menegaskan *mutashabihat* ialah lafaz atau ayat yang maksudnya tidak jelas dalam menunjukkan maksud sebenar yang dikehendaki (Al-Qurtubi, 2006; Al-Zarqani, T.th; Fu'ad 'Ali Rida, 1983; Al-Razi, 1981).

Adapun nas-nas Al-Quran dan hadis yang zahirnya sama dengan sifat makhluk seperti *yad* (tangan), *istiwa* (bersemayam), *wajh* (wajah), *ayn* (mata) dan sebagainya lagi tetapi dinisbahkan kepada Allah (s.w.t) adalah termasuk dalam pengertian *mutashabihat* menurut majoriti ulama. Namun begitu, Ibn

Taymiyyah (m. 728H) didapati tidak sependapat dengan majoriti ulama dalam perkara ini dan berpendapat bahawa sifat tersebut adalah berbentuk *muhkamat* (Al-Qaradawi, 2006). Dalam hal ini, *mutashabihat* dapat dirumuskan sebagai beberapa nas Al-Quran atau Hadis yang mempunyai kesamaran terhadap pengertian asal nas kerana ia mengandungi pelbagai makna dan Allah (s.w.t) sahaja yang Maha Mengetahui makna sebenarnya. Namun makna literalnya tidak sesuai untuk digunakan kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan bahawa Allah (s.w.t) mempunyai persamaan seperti sifat makhluk-Nya. Walaupun begitu, nas-nas *mutashabihat* tersebut harus diertikan dengan satu makna lain yang terkandung dalam pelbagai maknanya, dengan catatan makna yang dipakai itu sesuai dengan sifat ketuhanan dan tiada unsur-unsur penyekutuan dengan Allah (s.w.t).

Sorotan literatur membuktikan bahawa terdapat tiga kumpulan utama dalam menangani isu *mutashabihat*; kumpulan pertama adalah aliran pemikiran *Mushabbihah* atau *Mujassimah* yang terkenal dengan kefahaman menyamakan Allah (s.w.t) dengan pelbagai sifat makhluk, seperti menyatakan Allah (s.w.t) itu mempunyai tangan, kaki dan seumpamanya (Al-Sharastani, 1993; Al-Ghazali, 2003). Mereka memahami nas-nas *mutashabihat* menggunakan makna literal sahaja tanpa sebarang pentakwilan, dengan dakwaan bahawa ia merupakan metode para Salaf dalam memahami *mutashabihat* (Al-Ghumari, 2007). Walau bagaimanapun, kumpulan ini terkeluar daripada gagasan pemikiran akidah yang diterima pakai oleh Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah (Al-Zarkashi, 1988). Manakala aliran perdana yang mendokong gagasan pemikiran akidah yang diterima pakai oleh Ahl Al-Sunnah wa Al-Jamacah ialah dua kumpulan utama lain, iaitu aliran Salaf dan aliran *Khalaf* (Al-Zarkashi, 1988). Punca perselisihan dalam kalangan mereka berkaitan isu *mutashabihat* ini, dikenal pasti bertitik tolak daripada perbezaan pendapat mereka dalam memahami firman Allah (s.w.t): Maksudnya: "Dan tiada siapa yang mengetahui takwil (*mutashabihat*) melainkan Allah dan orang-orang yang pakar tentangnya" (Al-Quran

3: 7) Menurut Al-Suyuti (1992), sebahagian ulama berpendapat huruf *wau* dalam ayat di atas adalah huruf penghubung (*wau 'atf*) antara makna sebelum dan selepasnya. Maka itu, ayat tersebut difahami; Allah (s.w.t.) dan orang-orang yang pakar atau ulama sahaja mengetahui takwil nas-nas sifat *mutashabihat*. Manakala sebahagian ahli tafsir pula berpandangan bahawa huruf *wau* berkenaan adalah huruf digunakan dalam permulaan percakapan (*wau isti'naf*). Oleh itu, makna difahami mereka ialah; Allah (s.w.t) sahaja yang mengetahui takwil makna nas-nas sifat *mutashabihat* tersebut. Manakala pengertian takwil dalam pemikiran Islam boleh dinyatakan sebagai suatu proses mengenepikan penggunaan makna literal yang terkandung dalam sesuatu perkataan dan mengguna pakai makna lain yang dikehendaki sebagai ganti kepada makna literal tersebut (Al-Zabidi, 1306H). Namun sebahagian ulama pula berpendapat bahawa takwil dan tafsir mempunyai pengertian yang sama iaitu sebagai penjelasan lanjut terhadap sesuatu nas yang kurang difahami (Al-Qaradawi, 2000).

Sehubungan itu, terdapat dua metod yang masyhur dalam menafsirkan nas-nas sifat *mutashabihat*. Pertama metod *tafwid* atau juga disebut sebagai *takwil ijimali*, iaitu sikap tidak melakukan takwil secara *tafsili* dan menerima pakai makna umum qatie yang disepakati oleh semua ulama yang terkandung dalam nas-nas sifat *mutashabihat*. Dalam waktu sama, metod ini juga menolak sebarang makna kekurangan bagi Allah (s.w.t) termasuk menafikan sebarang bentuk *tashbih* dan *tajsim* dengan makhluk-Nya (Al-Bayjuri, 2001; Al-Banna, 1421H). Metod ini dikatakan banyak dipraktik oleh golongan Salaf kerana menurut mereka sesuatu makna khusus yang dipadankan kepada nas-nas sifat *mutashabihat*, adalah hanya bersifat sangkaan (*zanni*). Sedangkan, sebahagian nas-nas sifat *mutashabihat* terdiri dari persoalan akidah yang memerlukan makna yang putus (qatie) (Al-Zarqani, .th). Mengambil contoh lafaz *yad* (tangan) (Al-Quran 48: 10), ulama Salaf dalam hal ini bersepakat menyatakan bahawa makna umum ayat tersebut bermaksud

Allah (s.w.t) menyokong perbuatan para sahabat yang berbaiah dengan Rasulullah (s.a.w) untuk menolong agama Allah (s.w.t). Walau bagaimanapun, mereka tidak berusaha menentukan makna khusus bagi lafaz *yad* tersebut, sebaliknya mereka beriman dengannya dan menyerahkan makna khusus lafaz tersebut kepada Allah (s.w.t) sahaja, di samping menafikan sebarang makna yang mustahil bagi Allah (s.w.t) untuk dikaitkan dengan lafaz itu (Al-Buti, 2007; Al-Isa, t.th; Said Abd Al-Latif Fudah, 2004).

Metod kedua iaitu takwil atau dikenali juga takwil *tafsili*, dikatakan banyak digunakan oleh golongan *Khalaf*. Mereka beranggapan nas-nas sifat *mutashabihat* harus dijelaskan maknanya kerana nas-nas tersebut boleh mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat awam, di samping memahami makna literalnya akan membawa kepada pengertian menjisimkan Allah (s.w.t) seperti makhluk-Nya (Al-Razi 1935). Alasan tersebut menjadikan majoriti ulama *Khalaf* mengharuskan takwil *mutashabihat* sesuai dengan makna yang disifatkan Allah (s.w.t). Mereka berdalilkan sebuah hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) mendoakan Sayyidina Ibn Abbas (r.a) supaya diajarkan ilmu takwil (Ahmad (3102), 1995) yang menunjukkan bahawa kefahaman tentang ilmu takwil adalah suatu perkara yang dikurniakan oleh Allah (s.w.t) kepada para hamba-Nya dan bukan suatu tegahan (Al-Suyuti, 1992). Selain daripada dua metod masyhur tersebut, terdapat sebilangan ulama berpendapat bahawa jika nas-nas sifat *mutashabihat* itu berada dekat dengan lingkungan bahasa Arab dan sesuai untuk melakukan takwil, maka pentakwilannya adalah diharuskan. Namun jika ia berada jauh dari lingkungan bahasa Arab, maka mereka mengambil sikap berdiam diri (*tawaqquf*) untuk tidak melakukan sebarang takwilan (Al-Zarqani, t.th).

Walau bagaimanapun, keharusan mentakwil nas-nas sifat *mutashabihat* memerlukan kepada beberapa syarat penting agar kesucian nas Al-Quran dan Hadis berkaitan sifat Allah (s.w.t)

tetap terpelihara. Syarat dimaksudkan ialah; pentakwil merupakan ulama pakar dan mahir bahasa Arab, manakala nas yang ingin ditakwil hendaklah bukan daripada nas yang sudah jelas maknanya, di samping makna zahir nas pula jika dipakai akan bertentangan dengan akidah ketuhanan yang disepakati dalam Islam, serta perlu ada bukti kukuh yang membenarkan pertakwilan tersebut (Al-Zuhaili, 1986). Oleh itu, sebarang takwilan yang tidak selari dengan syarat-syarat ditetapkan ini adalah ditolak dan tidak termasuk dalam kategori takwil yang diterima oleh Ahli Al-Sunnah wa Al-Jama'ah.

Selain itu, kumpulan ketiga, terdiri daripada kumpulan bidaah dikenali sebagai Mu'attilah, iaitu satu golongan daripada kelompok Muktazillah yang mengingkari dan menafikan sifat bagi Allah (s.w.t) dengan cara mentakwilkan pelbagai sifat Allah (s.w.t) dalam Al-Quran atau Hadis kepada perkara lain (Al-Sharastani, 1993). Pendekatan Muktazillah ini jelas berbeza dengan metod takwil kerana takwilan *Khalaf* bukan suatu bentuk penafian atau pendustaan terhadap sifat-sifat Allah (s.w.t), sebaliknya ia menepati kaedah bahasa Arab berdasarkan syarat-syaratnya (Al-Buti, 2007). Menurut pandangan Mu'attilah, jika Allah (s.w.t) memiliki sifat, maka telah wujud dua perkara *qadim*; pertamanya sifat-Nya yang *qadim* dan keduanya zat-Nya yang *qadim*. Maka ini bercanggah dengan konsep falsafah yang dipegang oleh mereka, iaitu kewujudan sesuatu yang *qadim* adalah esa dalam semua aspek (Al-Hafani, 2000).

### Takwilan Salaf Terhadap Nas-Nas Sifat *Mutashabihat*

Walaupun ulama Salaf sering dikaitkan sebagai golongan yang tidak mentakwilkan nas-nas sifat *mutashabihat*, namun terdapat juga sebilangan daripada mereka melakukan pentakwilan menurut metod takwil *tafsili* yang digunakan oleh *Khalaf*. Antaranya ialah takwil Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H) terhadap perkataan kursi (kerusi) (Al-Quran 2: 255) sebagai ilmu Allah (s.w.t) (Al-Tabari, 2005). Selain itu, *ja'a*

(datang) Tuhan (Al-Quran 89: 22) ditakwil sebagai perintah dan kepastian Allah (s.w.t) oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H) dan Imam Hasan Al-Basri (m. 110H) (Al-Nasafi, T.th; Al-Baghawi, 1411H), manakala Imam Ahmad bin Hanbal (m. 241H) mentakwilkan sebagai datangnya pahala dari Tuhan (Ibn Kathir, 1998). Imam Ibn Mubarak (m. 237H) dan Imam Ibn Jarir Al-Tabari (m. 310H) pula mentakwilkan *istiwa* (bersemayam) (Al-Quran 2: 29; 20: 5) sebagai memiliki dan menguasai, bukan bergerak dan berpindah (Ibn Mubarak, 1985; Al-Tabari, 2005) dan Ibn Hazm (m. 456H) mentakwilkan sebagai perbuatan menyempurnakan penciptaan yang dilakukan oleh Allah (s.w.t) di Arasy (Ibn Hazm, 1996).

*Uyun* (beberapa mata) (Al-Quran 11: 37) ditakwil sebagai penglihatan dan pandangan Allah (s.w.t) oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H), Imam Al-Baghdadi (m. 429H) dan Imam Al-Juwaini (m. 478H) (Al-Baghawi, 1411H; Al-Baghdadi, 1928; Al-Juwaini, 1950). *Yad* (tangan) (Al-Quran 48: 10; 51: 47) ditakwil sebagai kekuatan dan kekuasaan Allah (s.w.t) oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H), Imam Al-Ashari (m. 330H) dan Imam Al-Juwaini (m. 478H) (Al-Qurtubi, 2006; Al-Razi, 1981; Al-Juwaini, 1950). Selain itu, *nur* (cahaya) (Al-Quran 24: 35) turut ditakwil oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H) sebagai Allah (s.w.t) yang menunjukkan penduduk langit dan bumi (Al-Tabari, 2005).

*Wajh* (wajah) (Al-Quran 55: 27; 28: 88; 2: 115) ditakwil oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H), Imam Al-Baghdadi (m. 429H) dan Imam Al-Juwaini (m. 478H) sebagai wujud dan zat Allah (s.w.t) (Al-Qurtubi, 2006; Al-Baghdadi, 1928; Al-Juwaini, 1950), manakala Imam Sufyan Al-Thawri (m. 187H) mentakwilkan sebagai mencari keredhaan Allah (s.w.t) dari amalan soleh (Al-Asqalani, 2001), sedangkan Imam Al-Shafie (m. 204H) mentakwilkan sebagai Allah (s.w.t) mengetahui sesiapa yang memandang kepada-Nya (Al-Bayhaqi, 2005) dan Imam Al-Bukhari (m. 256H) pula mentakwilkan sebagai milik atau kerajaan

Allah (s.w.t) (Al-Asqalani, 2001). Manakala *nafs* (nafas) Allah (s.w.t) (Al-Bayhaqi, 2005) ditakwil oleh Imam Ibn Qutaybah (m. 276H) sebagai pertolongan daripada Allah (s.w.t) (Ibn Qutaybah, 1995).

Perkataan *saq* (betis) (Al-Quran 68: 42) ditakwil sebagai kesusahan yang sangat berat oleh Sayyidina Ibn Abbas (r.a) (m. 68H) (Al-Tabari, 2005) dan Imam Al-Jawhari (m. 393H) pula mentakwilkan sebagai kekuatan (Al-Jawhari, 2007). Selain itu, Imam Mujahid (m. 103H) dan Imam Al-Suddi (m. 245H) mentakwilkan *janb* (sebelah) Allah (s.w.t) (Al-Quran 39: 56) sebagai perintah Allah (s.w.t) (Al-Tabari, 2005). Imam Malik bin Anas (m. 179H) turut mentakwilkan *nuzl* (turun) Tuhan pada waktu tengah malam (Al-Bukhari (1145), 2005) sebagai turunnya perintah-Nya, bukan Tuhan bergerak dan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain (Al-Dhahabi, 1996). Imam Al-Bukhari (m. 256H) pula mentakwilkan *dakh* (tertawa) Allah (s.w.t) (Al-Bukhari (2826), 2005) sebagai rahmat Allah (s.w.t) (Al-Bayhaqi, 2005).

Demikian beberapa contoh takwilan yang pernah diketengahkan oleh ulama generasi Salaf sehingga tahun 500 Hijrah mengikut metod takwil *tafsili* yang menjadi ikutan kebanyakan ulama *Khalaf*. Ini jelas membuktikan bahawa walaupun golongan Salaf berpegang dengan metod *tafwid* atau takwil *ijmali*, dalam kalangan mereka ada yang menggunakan metod takwil *tafsili* sebagai salah satu cara untuk menjelaskan dan menafsirkan pengertian nas-nas sifat *mutashabihat*. Ini bermakna, metod takwil yang diterima pakai oleh *Khalaf* bukan suatu metod yang baru atau bertentangan dengan metod yang dipegang oleh Salaf. Sebaliknya, metod takwil yang dipraktikkan oleh *Khalaf* merupakan suatu kesinambungan dan pelengkap dalam aliran pemikiran Islam sepetimana pernah diketengahkan dahulunya oleh sesetengah para Salaf yang muktabar.

Berpandukan fakta di atas, dakwaan sesetengah penulis kontemporari yang menyatakan bahawa para Salaf tidak mentakwilkan nas-nas sifat

*mutashabihat* (Zuraidah, 2001) adalah suatu kenyataan yang tidak tepat. Justeru pelbagai tohmohan negatif yang dilemparkan kepada ulama *Khalaf* yang mentakwil nas-nas sifat *mutashabihat* seperti menyifatkan mereka sebagai menyeleweng, sesat dan seumpamanya (Rasul Dahri, 2001) secara tidak langsung juga terpalit kepada sebahagian para Salaf yang turut melakukan takwilan nas-nas sifat *mutashabihat* tersebut.

## Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa metod takwil dalam sejarah pemikiran Islam adalah berasal daripada pendekatan sebahagian ulama Salaf dalam menjelaskan nas-nas sifat *mutashabihat* dan kemudiannya ia diikuti pula oleh ulama *Khalaf*. Oleh itu, dakwaan para ulama Salaf keseluruhannya menolak metod takwil nas-nas sifat *mutashabihat* adalah suatu pandangan yang kurang tepat dengan fakta ilmiah. Sebaliknya, kenyataan bahawa ulama Salaf tidak melakukan takwil terhadap nas-nas sifat *mutashabihat* adalah merujuk kepada pandangan kebanyakan pendirian para Salaf sahaja. Ketidaktelitian dalam mengenal pasti pandangan salaf tentang isu ini boleh menimbulkan pelbagai tomahan negatif terhadap mereka. Kajian juga turut mengenal pasti bahawa istilah Salaf bukan sahaja merujuk kepada tokoh yang hidup dalam lingkungan tiga kurun pertama Hijrah sahaja, sebaliknya kurun kelima Hijrah turut dilihat sebagai suatu pandangan yang signifikan untuk diketengahkan dalam masyarakat kontemporari kini. Ini kerana, jika tempoh masa bagi generasi Salaf ditentukan sehingga kurun kelima Hijrah, maka banyak perselisihan faham dalam menangani isu nas-nas sifat *mutashabihat* umat Islam masa kini khususnya di Malaysia ini dapat diselesaikan.

## Rujukan

- Abdul Shukor, H. (1993). "Ahli Salaf Menurut Perspektif Ulama Al-Kalam". Mohammad Yusoff Hussain et al., Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah. Penerbit Universiti Kebangsaan

Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Ahmad, Hanbal (1995). Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal. Tahqiq: Sha'ib Al-Arnauk. Muassasah Al-Risalah, Beirut, Lebanon.

Al-Baghawi, Muhyi Al-Sunnah Abi Muhammad Al-Husin bin Mas'ud (1411H). Tafsir Al-Baghawi Ma'alim Al-Tanzil. Tahqiq: Muhammad Abd Allah Al-Namir et al. Dar Taibah, Riyad, Saudi Arabia.

Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd Al-Qahir bin Tahir bin Muhammad (1928). Usul Al-Din. Dar Al-Funun Al-Tawrikiyyah, Istanbul, Turki.

Al-Banna, Hasan (1421H). Al-'Aqaid. Tahqiq: Ridwan Muhammad Ridwan. Dar Al-Da'wah, Iskandariyyah, Egypt.

Al-Bayhaqi, Abi Bakar bin Al-Hassain bin Ali (2005). Al-Asma' wa Al-Sifat. Tahqiq: 'Abd Allah bin Amir. Dar Al-Hadith, Cairo, Egypt.

Al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad (2001). Tuhfah Al-Murid. Dar Al-Kitab Al-Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.

Al-Bukhari, Abi Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim (2005). Sahih Al-Bukhari. Dar Al-Fajr Lilturath, Cairo, Egypt.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (2007). Al-Salafiyyah: Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhab Islami. Dar Al-Fikr, Damshik, Syria.

Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar (2001). Fath Al-Bari. Tahqiq: 'Abd Al-Qadir Syaibah Al-Hamad. Maktabah Al-Malik, Riyad, Egypt.

Al-'Isa, Muhammad Khair Muhammad Salim (T.th). Ayat Al-Sifat 'Ind Al-Salaf Bain Al-Ta'wil wa Al-Tafwid. Dar Al-Kitab Al-Thaqafi, T.t.p.

Al-Dzahabi, Shams Al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman (1996). Siyar A'lam Al-

Nubala. Tahqiq: Shu'aib Al-Arnauk. Muassasah Al-Risalah, Beirut, Egypt.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2003). Al-Iqtisad fi Al-I'tiqad. Tahqiq: Insaf Ramadan. Dar Kutaibah, Damshik, Syria.

Al-Ghumari, 'Abd Allah Al-Siddiq (2007). Itqan Al-San'ah fi Tahqiq Ma'na Al-Bid'ah. Maktabah Al-Qahirah, Cairo, Egypt.

Al-Hafani, 'Abd Al-Muncim (2000). Al-Mu'jam Al-Shamil li Mustalahat Al-Falsafah. Maktabah Al-Madbili, Cairo, Egypt.

Al-Jawhari, Isma'il bin Hamad (2007). Mu'jam Al-Sihah. Tahqiq: Khalil Ma'mun Shayha. Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Lebanon.

Al-Juwayni, Al-Haramain (1950). Kitab Al-Irshad. Tahqiq: Muhammad Yusuf Musa & 'Ali 'Abd Al-Mun'im 'Abd Al-Hamid. Maktabah Al-Khaniji, Misr.

Al-Nasafi, Abi Al-Barkat 'Abd Allah bin Ahmad bin Mahmud (T.th). Tafsir Al-Nasafi Al-Musamma bi Madarik Al-Tanzil wa Haqa'iq Al-Ta'wil. Tahqiq: Qasim Muhammad Al-Rajab. Dar Al-Kitab Al-'Arabiyyah Al-Kubra, Misr.

Al-Qaradawi, Yusuf (2000). Kaif Nata'amal ma'a Al-Quran Al-'Azim?. Dar Al-Shuruq, Cairo, Egypt.

Al-Qaradawi, Yusuf (2006). Fusul fi Al-'Aqidah baina Al-Salaf wa Al-Khalaf. Maktabah Wahbah, Cairo, Egypt

Al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar (2006). Al-Jami' Al-Ahkam Al-Quran. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Tarki. Muassasah Al-Risalah, Beirut, Lebanon.

Al-Razi, Fakh Al-Din Muhammad bin 'Umar (1935). Asas Al-Taqdis fi 'Ilm Al-Kalam. Matba'ah Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Cairo, Egypt. 172-175

Al-Razi, Fakh Al-Din Muhammad bin ‘Umar (1981). *Al-Tafsir Al-Kabir*. Dar Al-Fikr, Beirut, Lebanon.

Al-Sharastani, Abi Al-Fath Muhammad ‘Abd Al-Karim bin Abi Bakar (1993). *Al-Milal wa Nihal*. Tahqiq: Amir ‘Ali Mahna & ‘Ali Hasan Fa’ur. Dar Al-Ma’rifah, Beirut, Lebanon.

Al-Suyuti, Jalal Al-Din ‘Abd Al-Rahman (1992). *Tahzib wa Tartib li Itqan fi ‘Ulum Al-Quran*. Tahqiq: Muhammad bin ‘Umar. Dar Al-Hijrah, Riyad, Saudi Arabia.

Al-Tabari, Abi Ja’far Muhammad bin Jarir (2005). *Tafsir Al-Tabari Jami’ Al-Bayan ‘an Ta’wil ai Al-Quran*. Tahqiq: Ahmad ‘Abd Al-Razaq Al-Bakri et al. Dar Al-Salam, Cairo, Egypt.

Al-Zabidi, Muhib Al-Din Al-Sayyid Muhammad Murthada (1306H). *Taj Al-‘Urus Min Jawahir Al-Qamus*. Al-Matbu’ah Al-Hairiyah Al-Munsha’ah, Misr.

Al-Zarkashi, Badr Al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah (1988). *Al-Burhan fi ‘Ulum Al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Abu Al-Fadhl Ibrahim. Dar Al-Jil, Beirut, Lebanon.

Al-Zarqani, Muhammad ‘Abd Al-‘Azim (T.th). *Manahil Al-‘Urfan fi ‘Ulum Al-Quran*. Dar Al-Fikr, Beirut, Lebanon.

Al-Zuhaili, Wahbah (1986). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Dar Al-Fikr, Damshik, Syria.

Engku Ibrahim, E.W.Z. (2003). “Pemahaman Masyarakat Islam Terhadap Sifat-Sifat Mutasyabihat: Suatu Kajian Di Daerah Kuala Terengganu”. Tesis MA yang tidak diterbitkan. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Fu’ad ‘Ali Rida (1983). *Min ‘Ulum Al-Quran*. Dar Iqra’, Beirut, Lebanon.

Ibn Al-Mubarak, Abu ‘Abd Al-Rahman ‘Abd Allah bin Yahya bin Al-Mubarak Al-Yuzaydi (1985). *Gharib Al-Qur’an wa Tafsiruhu*. Tahqiq: Muhammad Salim Al-Haj. Maktabah ‘Alim Al-Kitab, Beirut, Lebanon.

Ibn Hazm, Abi Muhammad ‘Ali bin Ahmad (1996). *Al-Fashl fi Al-Milal wa Al-Ahwa’ Al-Nihal*. Tahqiq: Muhammad Ibrahim Nasr & ‘Abd Al-Rahman ‘Umyarah. Dar Al-Jil, Beirut, Lebanon.

Ibn Kathir, Abi Al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar bin Kathir (1998). *Al-Bidayah wa Al-Nihayah*. Tahqiq: ‘Abd Allah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Tarki. Dar Hibr, Giza, Egypt.

Ibn Manzur, Abi Al-Fadl Jamal Al-Din Muhammad bin Makram (2003). *Lisan Al-‘Arab*. Dar Al-Hadith, Cairo, Egypt.

Ibn Qutaybah, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Muslim (1995). *Ta’wil Mukhtalif Al-Hadith*. Tahqiq: Muhammad ‘Abd Al-Rahman. Dar Al-Fikr, Beirut, Lebanon.

Rasul Dahri (2001). *Koleksi Kuliah-Kuliah Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah Menurut Manhaj Salaf As-Soleh*. Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, Malaysia.

Sa’id ‘Abd Al-Latif Fudah (2004). *Naqd Al-Risalah Al-Tadmuriyyah*. Dar Al-Razi, ‘Amman, Jordan.

Sharifah Norshahbani, S. B. (2004). *Al-Ta’wil: Satu Pengenalan*. Al-Mizan: Jurnal Sekolah Pengajian Islam. Bil 02: 13-29. Sekolah Pengajian Islam, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

Zuraidah, K. (2001). “Manhaj Salaf Dalam Akidah: Suatu Kajian Mengenai Sifat-Sifat Allah Dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah”. Tesis MA yang tidak diterbitkan. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.